

10/11/1998

KWSP sumber utama biaya Belanjawan '99

shir; Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Isnin - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dikenal pasti sebagai sumber utama dalam negeri bagi membiayai sebahagian defisit Belanjawan 1999 berikutan keupayaannya mengumpul caruman baru bernilai RM1 bilion sebulan.

Berikutan itu, kerajaan tidak akan menggunakan sumber pembiayaan daripada sistem perbankan bagi memastikan sektor swasta mendapat pinjaman yang cukup untuk membiayai aktiviti ekonomi.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed, berkata dua pertiga daripada keperluan pembiayaan akan diperolehi dari sumber dalam negeri, manakala selebihnya adalah dari luar negeri.

"Pada masa yang sama, kerajaan juga berunding bagi mendapatkan pinjaman luar negeri daripada institusi pelbagai hala serta negara tertentu," katanya ketika menggulung perbincangan Belanjawan 1999 di Dewan Rakyat, hari ini.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Pertama, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika membentangkan belanjawan tahun depan pada 23 Oktober lalu, menyatakan Belanjawan 1999 dijangka mengalami defisit RM16.635 bilion.

Mustapa berkata, dengan jangkaan ekonomi negara pulih mulai tahun depan, kutipan hasil akan meningkat dan menyumbang kepada kekukuhan kewangan kerajaan.

Menurutnya, hutang luar Kerajaan Persekutuan masih kecil iaitu RM11.9 bilion pada akhir tahun ini atau 4.6 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK), manakala Nisbah khidmat hutang (DSR) kerajaan hanyalah 0.9 peratus.

"Jika diambil kira hutang luar sektor swasta dan Perusahaan Awam Bukan Kewangan, DSR luar negara ialah 7.2 peratus iaitu jauh lebih kecil daripada purata DSR dunia pada kadar 20 peratus.

"Kerana itu, kita masih boleh meminjam," katanya.

Mengulas kebimbangan bahawa caruman rakyat dalam KWSP diguna, Mustapa berkata secara amnya KWSP adalah pelanggan utama Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) seperti yang dibenarkan mengikut Akta KWSP.

"Pelaburan ini adalah pelaburan jangka panjang yang selamat dengan kadar pulangan terjamin.

"Sungguhpun Akta KWSP menetapkan pelaburan dalam MGS tidak kurang dari 50 peratus daripada jumlah pelaburan kumpulan wang itu. Pada masa ini hanya 28 peratus sahaja sudah dilaburkan dalam MGS oleh kerana kerajaan tidak perlu membuat pinjaman," katanya.

Mustapa berkata, pelaburan KWSP dalam pasaran saham dilakukan sebagai langkah mempelbagaikan pelaburan selain mendapat pulangan yang lebih baik dalam jangka panjang.

"Pembelian saham adalah berpandukan kepada kekukuhan dan potensi syarikat.

"Pada masa ini, pelaburan KWSP dalam pegangan ekuiti saham adalah sebanyak 18 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan. Kerajaan akan memastikan pelaburan KWSP sentiasa teratur dan kepentingan pencahuran terjamin," katanya.

Mengenai cadangan caruman majikan kepada KWSP dikurangkan kepada 10 peratus dan caruman pekerja yang berpendapatan kurang RM1,000 sebulan ditanggung majikan, Mustapa berkata:

"KWSP adalah skim tabungan untuk faedah persaraan pekerja sendiri yang

mana berdasarkan kadar caruman bulanan semasa, majikan sudahpun memberi sumbangan caruman yang lebih besar iaitu 12 peratus daripada pendapatan upah pekerja berbanding caruman yang dibayar pekerja sebanyak 11 peratus.

"Di negara lain, caruman pekerja adalah lebih besar. Kerajaan berpendapat adalah wajar pekerja dan majikan terus mencarum kepada KWSP mengikut kadar caruman bulan seperti yang ditetapkan Akta KWSP," katanya.

Ketika memberi penjelasan kepada soalan Dr Tan Seng Giaw, Mustapa berkata selain KWSP, kerajaan juga akan mendapatkan pinjaman dari Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (Perkeso) dan Lembaga Tabung Haji bagi membiayai defisit.

"Bagaimanapun, KWSP masih menjadi sumber utama pinjaman kerana lebih yang dicatatkan di KWSP adalah antara RM1.1 bilion hingga RM1.2 bilion.

"Sehubungan itu, kita tidak ada masalah mendapatkan pinjaman dari dalam negeri pada tahun depan," katanya.

Beliau berkata, kadar faedah yang ditanggung oleh kerajaan adalah tinggi jika mendapatkan pinjaman dari pasaran antarabangsa berikutan kadar penerapan yang rendah.

"Sehubungan itu, kita menumpukan pinjaman daripada sumber dua hala termasuk seperti yang diumumkan sebelum ini," katanya.

(END)